



Harga jatuh 30 sen sekilogram, FAMA hantar tomato ke utara, selatan

Oleh **Mohd Rafi Mamat** - April 25, 2023 @ 3:58pm
bhnews@bh.com.my



Harga tomato keluaran Cameron Highlands jatuh teruk sehingga mengundang kerugian besar pada pekebun. - NSTP/ MOHD RAFI MAMAT

KUANTAN: Lebih 24 tan tomato keluaran peserta ladang kontrak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Cameron Highlands akan diagihkan untuk pasaran sekitar utara dan selatan tanah air.

Langkah itu diambil FAMA bagi mengelak peserta kerugian memandangkan harga ladang bagi tomato keluaran Cameron Highlands kini turun mendadak sehingga 30 sen sekilogram.

Pengarah FAMA Pahang, Saiful Sadri, berkata kejatuhan harga hasil pertanian itu dianggap keterlaluan dan ia boleh mengundang kerugian besar pada pekebun.

Bagi membantu pekebun, katanya, FAMA akan membantu memasarkan tomato mereka ke kawasan utara dan selatan menerusi pejabat FAMA negeri, pemborong dan peniaga kecil.

"Kita menggunakan sistem harga lantai dipersetujui bersama dengan menawarkan harga RM1.60 sekilogram bagi membeli tomato keluaran dua pekebun peserta ladang kontrak FAMA daerah Cameron Highlands, harga bagi bukan peserta ladang kontrak lebih rendah.

"Harga ditawarkan itu lebih tinggi berbanding hanya 30 sen sekilogram yang ditawarkan pemborong sayur kini dan usaha membantu pekebun terbabit diharap dapat mengurangkan kerugian setiap pekebun," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau menambah, pihaknya akan terus mengambil tomato Cameron Highlands selepas ini mengikut kapasiti yang sesuai serta bergantung permintaan semasa.

Saiful berkata, kemasukan tomato import selain kurangnya permintaan daripada pengguna termasuk disebabkan cuti perayaan, selain faktor masyarakat berjimat cermat berbelanja kerana tekanan ekonomi menjadi punca harga tomato jatuh teruk kali ini.

Beliau berkata, selepas episod kekurangan bekalan telur, kini FAMA tampil sebagai penyelamat dengan membantu membeli tomato pekebun terdiri daripada peserta ladang kontrak FAMA dan pekebun lain.

"Usaha dilakukan FAMA Pahang ini diharap dapat menyelamatkan aktiviti pertanian diusahakan peserta ladang kontrak dan pekebun lain, seterusnya tidak berlaku lambakan tomato hingga mengundang tindakan membuang produk pertanian itu," katanya.